Soalan 1 – 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

Soalan 1 *berdasarkan gambar di bawah.*

1 Ramli _____ akar pokok ketika berjalan di dusun datuknya.
- **A** terkehel
- **B** tergelincir
- **C** terjelepok
- **D** tersadung

2 Zarina _____ gambar itu lama-lama kerana menyerupai wajah arwah adik kesayangannya.
- **A** melirik
- **B** menatap
- **C** meninjau
- **D** mengintai

3 Pihak polis melakukan _____ secara teliti sebelum membuat keputusan untuk menangkap penagih dadah itu.
- **A** kaji selidik
- **B** soal jawab
- **C** soal siasat
- **D** soal selidik

4 Barang kemas itu disimpan oleh Dewi _____ dalam sebuah almari.
- **A** di
- **B** ke
- **C** dari
- **D** pada

5 Pembentangan kertas kerja tentang amalan berjimat cermat itu disampaikan oleh _____ dari Universiti Malaya.
- **A** karyawan
- **B** perunding
- **C** sasterawan
- **D** cendekiawan

6 "_____, sakitnya gigi geraham saya ini!" kata Borhan kepada ibunya.
- **A** Cis
- **B** Nah
- **C** Aduh
- **D** Aduhai

7 Nenek membeli lima _____ petai untuk membuat sambal tumis ikan bilis petai.
- **A** kerat
- **B** papan
- **C** batang
- **D** tangkai

Soalan 8

Ayat di bawah **mungkin** *betul dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B** *atau* **C** *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* **D**. *Pilih jawapan yang* **paling sesuai**.

8 Ibu menyediakan (A) senarai barang-barang (B) yang diperlukan (C) untuk memasak kek sarang lebah. Tiada kesalahan (D)

Soalan 9

Pilih ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** *dengan betul.*

9 I Air mata wanita itu itu *gugur* apabila mendapat perkhabaran tentang ayahnya di kampung.

II Polis-polis yang *gugur* semasa peristiwa Bukit Kepong akan sentiasa dikenangi oleh rakyat Malaysia.

III Hak Tok Sani sebagai pemegang amanah cucunya *gugur* setelah cucunya mencapai umur 18 tahun.

IV Wang yang dikirimkan oleh ayah untuk membayar duit langganan majalah *gugur* dari poketnya.

- **A** I dan II sahaja
- **B** III dan IV sahaja
- **C** I, II dan III sahaja
- **D** II, III dan IV sahaja

LIVEWORKSHEETS